

Berita Manmin

NO. 5 12 JUN 2022

Sambutan Ulang Tahun Gereja Manmin Colombia yang ke-10

Pada 25 April (Isnin) 9:00 pagi (7:00 petang waktu tempatan pada 24 April), Ibadat Ulang Tahun ke-10 Gereja Manmin Colombia diadakan dengan Pastor Mikyung Lee (Pengerusi Persatuan Pastor) sebagai pengkhutbah semasa ibadat ini disiarkan secara langsung ke seluruh dunia melalui GCN TV.


Ibadat atas talian ini disiarkan mengikut masa sebenar melalui YouTube, Facebook dan JBN TV di Honduras (Presiden: Esteban Handal), dan orang Kristian dari 15 negara iaitu Colombia, Peru, Venezuela, Argentina, Brazil, Chile, Mexico, Ecuador, Honduras, Costa Rica, Bolivia, Panama, Sepanyol, Amerika Syarikat dan Kanada telah mengambil bahagian.

Ibadat sambutan ulang tahun ini dipengerusikan oleh Pastor David Jang yang bertanggungjawab terhadap gereja

tersebut. Selepas lagu khas oleh Diaken Seungwon Seo (Jawatankuasa Seni Persembahan), Pastor Mikyung Lee menyampaikan khutbah yang bertajuk 'Bejana Emas' (2 Timotius 2:20-21).

Kemudian, Pastor Mikyung Lee memimpin Perjumpaan Kesembuhan Ilahi dan berdoa dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) yang telah didoakan oleh Pastor Kanan. Hasilnya, ramai anggota gereja pulih penglihatan mereka dan disembuhkan daripada pelbagai penyakit seperti plantar fasciitis dan arthritis.

Melalui perjumpaan ini, orang Kristian yang berbahasa Amerika Latin dan Sepanyol menerima rahmat Tuhan dan kepuhanan Roh Kudus, serta memberi kemuliaan kepada Tuhan yang memberikan mereka kesembuhan, jawapan dan berkat.



Telefon: 82-2-824-7107
www.gcntv.org
webmaster@gcntv.org



Telefon: 82-2-818-7032
www.manminseminary.org
manminseminaryhq@gmail.com



www.wcdn.org
wcdnkorea@gmail.com



Telefon: 82-2-818-7241
www.urimbooks.com
urimbook@hotmail.com

'Pertandingan Menghias Telur Easter'

Pada 24 April, majlis penyampaian hadiah telah diadakan dalam Ibadat Petang Ahad. Daripada sejumlah 82 pasukan, hadiah utama bagi kategori dalam negara dianugerahkan kepada pemimpin kumpulan Misi Wanita 2-2, hadiah emas kepada anggota gereja tempatan di Bundang, hadiah perak kepada anggota kumpulan Paroki Cina yang pertama, dan hadiah gangsa kepada persatuan pemimpin sel wanita. Bagi kategori luar negara, hadiah utama dianugerahkan kepada gereja Sogamoso di Colombia, hadiah emas kepada Diaken Sophia di Malaysia, hadiah perak kepada Isis Pas di Gereja Manmin Honduras, dan hadiah gangsa kepada Diaken Thian Pek Sian di Malaysia.

Kategori dalam negara

Hadiah utama



Hadiah emas



Hadiah perak



Hadiah gangsa



Kategori luar negara

Hadiah utama



Hadiah emas



Hadiah perak



Hadiah gangsa





Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Bab pertama Kejadian menerangkan proses Tuhan menciptakan langit, bumi dan semua benda ada di dalamnya, serta manusia. Bab kedua memberitahu kita bahawa Tuhan menciptakan Taman Eden dan membimbing manusia pertama di situ. Sekarang, marilah kita meneliti sebab Tuhan menciptakan manusia.

1. Manusia Diciptakan Menurut Gambaran Tuhan

Kejadian 2:7 menyatakan, "Kemudian TUHAN Allah mengambil sedikit tanah dan membentuk manusia, lalu menghembuskan nafas yang memberi hidup ke dalam lubang hidungnya; maka hiduplah manusia itu." Ketika Tuhan menciptakan segala-gala yang ada di dalam alam semesta dengan Firman-Nya, Tuhan sendiri membentuk dan menciptakan manusia daripada tanah. Tuhan menciptakan manusia dengan sempurna dan kemudian manusia itu menjadi makhluk hidup setelah Tuhan menghembuskan nafas kehidupan ke dalam lubang hidungnya.

Sesetengah orang mungkin bertanya dengan keraguan, "Bagaimanakan imej yang dibentuk daripada tanah dapat bergerak dengan kehidupan?" Namun begitu, fikirkan tentang robot, komputer, organ dalam tiruan, atau kulit tiruan. Manusia dapat membuat benda sedemikian, dan sudah tentu Tuhan dapat menciptakan manusia. Kerana batasan yang ada dalam pemikiran manusia, mereka tidak mempercayai kuasa Tuhan.

Selepas menciptakan Adam dan Hawa, Tuhan Yang Maha Pencipta memberikan mereka benih kehidupan supaya mereka dapat melahirkan zuriat. Lelaki mempunyai sperma manakala perempuan mempunyai ovum. Sperma dan ovum mengandungi semua sifat mereka seperti rupa, keperibadian, kecerdasan, tabiat dan sebagainya. Oleh itu, anak-anak mereka menyerupai mereka. Jadi, Adam iaitu bapa umat manusia menyerupai siapa?

Seperi yang kita baca dalam Kejadian 1:27, "Demikianlah Allah menciptakan manusia dan menjadikan mereka seperti diri-Nya sendiri. Dia menciptakan mereka lelaki dan perempuan," Adam diciptakan menurut gambaran Tuhan. Selain rupa luaran manusia, roh manusia juga datang daripada Tuhan dan

Pesan Salib (5)

Tuhan Menciptakan Manusia

"Kemudian TUHAN Allah mengambil sedikit tanah dan membentuk manusia, lalu menghembuskan nafas yang memberi hidup ke dalam lubang hidungnya; maka hiduplah manusia itu"
(Kejadian 2:7)

menyerupai Roh Tuhan. Adam merupakan makhluk hidup.

Roh Adam yang menyerupai Roh Tuhan, hanya diisi dengan kebaikan, cahaya dan kebenaran. Selepas Adam memakan buah daripada pokok pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat dan dengan demikian berdosa terhadap Tuhan, semua keturunannya jatuh ke dalam dosa dan kejahatan serta akhirnya kehilangan gambaran suci Tuhan.

2. Sebab Tuhan Menciptakan dan Memupuk Manusia

Jika kita ingin mencari dan memahami jawapan bagi soalan, "Mengapakah kita berada di sini?" kita perlu mampu untuk menjawab soalan, "Mengapakah Tuhan menciptakan kita dan mengapa serta bagaimana Tuhan memupuk manusia?" Dalam Aklitab, terdapat banyak perumpamaan yang berkaitan dengan hal mengusahakan tanah dan menuai hasil tanaman. Dalam Matius 13, Yesus menyamakan hati manusia dengan empat jenis tanah yang berbeza. Dengan "perumpamaan tentang gandum dan sekam" dalam Matius 3 dan "perumpamaan tentang lalang" dalam Matius 13, Alkitab memberitahu kita tentang Penghakiman yang akan datang.

Dengan perumpamaan sedemikian dalam Alkitab, Tuhan memberitahu kita bahawa ketentuan-Nya dalam menciptakan manusia dan mengawal sejarah dunia adalah sama seperti mengusahakan tanah dan menuai hasil tanaman daripadanya. Seperti seorang petani yang mengusahakan tanahnya untuk penuaian, Tuhan sedang memupuk kita pada hari ini.

Tuhan mahu memperoleh anak-anak sejati yang dengan mereka Dia dapat berkongsi kasih. Dengan kuasa-Nya yang menakjubkan dan sebagai Hakim yang digeruni, Tuhan Yang Maha Pencipta mempunyai kuasa dan kebenaran tegas yang tidak dapat dipertikaikan. Pada masa yang sama, Tuhan juga memiliki sifat-sifat manusia yang dicirikan oleh kasih, belas kasihan, pengampunan, dan sebagainya. Oleh sebab Tuhan dapat bergembira, berduka atau meratap seperti manusia, Dia tidak mahu bersendirian sebaliknya mahu orang yang dapat berkongsi kasih dengan-Nya.

Tuhan sudah mempunyai tidak terhitung banyaknya

tentera syurga dan malaikat di sisi-Nya. Namun begitu, Tuhan mahu anak-anak sejati yang akan mentaati-Nya kerana kasih kepada-Nya dari dalam hati mereka dan dengan kehendak bebas mereka.

Katakanlah anda mempunyai satu robot di rumah anda yang akan melakukan apa-apa yang anda suruh, dan anda mempunyai anak yang kadangkala menimbulkan masalah tetapi apabila dia bertumbuh besar dia akhirnya akan berterima kasih atas rahmat dan kasih ibu bapanya dan berkongsi kasih dengan anda. Antara robot dan anak, yang manakah lebih berharga bagi anda? Tidak kira betapa taat robot itu kelihatan, robot itu tidak dapat dibandingkan dengan anak anda yang dengannya anda dapat berkongsi kasih anda. Begitu juga, Tuhan menciptakan manusia kerana Dia mahu mempunyai anak-anak yang akan mentaati-Nya dan berkongsi kasih mereka dengan-Nya dengan kehendak bebas mereka.

3. Gandum dan Sekam

Tidak kira betapa tekun seorang petani bekerja, pada masa penuaan dia akan menuai sekam dan gandum. Namun begitu, sekam hanya dapat digunakan sebagai baja atau dibakar kerana sekam tidak dapat dimakan dan akan merosakkan gandum sekiranya sekam disimpan bersama dengan gandum di dalam jelapang yang sama.

Dengan cara yang sama, Tuhan akan memisahkan gandum daripada sekam apabila pemupukan manusia berakhir. Matius 3:12 menyatakan, "Tangan-Nya memegang nyiru untuk menampi. Dia akan mengumpulkan gandum yang bersih di dalam jelapang, tetapi Dia akan membakar sekam di dalam api yang tidak dapat padam." "Api yang tidak dapat padam" dalam ayat ini bermaksud api Neraka.

Pada masa yang dipilih oleh Tuhan iaitu pada akhir zaman, Dia akan mengakhiri pemupukan manusia dan menghakimi setiap individu yang pernah hidup di dunia ini. Pada Hari Penghakiman, orang yang seperti sekam akan jatuh ke dalam api Neraka.

"Sekam" ialah orang yang telah menerima Yesus Kristus dan hidup berdasarkan Firman Tuhan dengan kasih mereka kepada Tuhan. Mereka bertekun menyingkirkan dosa dan kejahatan serta memulihkan gambaran Tuhan. Sebaliknya, "sekam" ialah semua orang yang tidak percaya kepada Tuhan dan tidak menerima Yesus Kristus sebagai Penyelamat mereka.

Satu perkara yang perlu anda ingat adalah bahawa tidak semua orang yang menghadiri gereja ialah "gandum". Jika mereka meninggalkan Firman Tuhan

dan hidup berdasarkan keinginan dunia mereka, pada pandangan Tuhan mereka ialah "sekam". Itulah sebabnya Yesus memberitahu kita dalam Matius 7:21, "Tidak semua orang yang memanggil Aku, 'Ya Tuhan, ya Tuhan,' akan menikmati Pemerintahan Allah, tetapi hanya orang yang melakukan kehendak Bapa-Ku yang di syurga."

Tuhan mahu semua manusia untuk memahami hati-Nya, menjadi "gandum" dan menerima keselamatan (1 Timotius 2:4). Atas sebab ini, Dia memberikan kita Anak-Nya yang tunggal untuk mati di atas salib bagi pihak kita.

Namun begitu, orang yang berterusan hidup dalam dosa tanpa menerima Yesus sebagai Penyelamat mereka tidak akan dapat memulihkan nilai sebenar mereka sebagai orang yang diciptakan menurut gambaran Tuhan. Mereka sekadar seperti sekam. Sekam tidak dapat dikumpulkan ke dalam Syurga. Jika orang yang dipenuhi kebencian, cemburu, tamak, perkelahian dan bentuk-bentuk kejahatan yang lain dibenarkan untuk masuk ke Syurga, hal ini akan menyebabkan Syurga tercemar.

Apakah yang berlaku kepada orang yang dihalang daripada memasuki Syurga? Oleh sebab roh setiap orang adalah abadi, roh tidak akan lenyap. Roh-roh itu akan dikumpulkan, dikurung di dalam Neraka untuk selama-lamanya. Berdasarkan balasan dosa mereka, setiap antara mereka akan menerima hukuman kekal di dalam api Neraka yang tidak terpadamkan (Sila rujuk buku Neraka yang ditulis oleh Dr. Jaerock Lee untuk maklumat lanjut).

Saudara dan saudari yang saya kasihi dalam Kristus, saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar anda akan tampil sebagai orang Kristian yang seperti gandum, iaitu anak-anak Tuhan yang sejati, menurut Tuhan dan memiliki hati yang suci serta berkongsi kasih dengan-Nya dan hidup selama-lamanya di Syurga.

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaejang-Ro, 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
(Poskod: 07058)<http://www.manmin.org/english>www.manminnews.comE-mel: manminen@manmin.kr

Penerbit: Dr. Jaerock Lee

Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Triniti: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus Kristus.
4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui "Pengakuan Iman Rasul" pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

SOROTAN KHAS I

“Saya gembira menjadi misionari Manmin.”



Pastor Grigori Kolesov
(Gereja Sumber Kebenaran di Estonia)



Pastor Mark Bazalev
(Pusat Kesucian Dunia di Amerika Syarikat)



Dr. Jaerock Lee dan pekerja Manmin yang pernah saya temui semuanya merupakan hamba Tuhan yang setia. Selain itu, kami selalu menerima rahmat melalui pelayanan Manmin.

Tidak lama dahulu, saya telah dilantik sebagai seorang misionari Manmin. Ada sedikit beban suci dalam hati saya tetapi saya berasa sangat senang hati dan gembira. Hal ini demikian kerana saya merupakan seorang misionari yang menyebarkan injil kesucian.

Oleh sebab saya tinggal di Eropah, saya lebih sedar tentang betapa injil kesucian diperlukan oleh orang yang hidup dalam pelbagai masalah dan kesukaran pada masa sekarang. Saya berharap agar saya dapat menjalankan tugas saya sebagai seorang misionari yang lebih setia dalam menyebarkan injil kesucian dengan banyak pengalaman yang ada pada saya tentang pelayanan Manmin.

Saya sangat bersyukur atas doa anda bagi gereja-gereja di Estonia dan keluarga saya dengan kasih.

Melalui kami, pelayanan Manmin dan injil kesucian akan diisytiharkan kepada pastor dan gereja lain, dan kami akan bekerja bersama-sama untuk meluaskan kerajaan Tuhan. Sebaik sahaja pandemik virus korona berlalu, kami berharap agar pelayanan Manmin akan terus aktif seperti dahulu seperti perjumpaan gereja, seminar dan perjumpaan pastor,

Saya mengasihi anda demi nama Tuhan Yesus.



Salam dari Pusat Kesucian Dunia di Amerika Syarikat demi nama Tuhan Yesus.

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan syukur kepada Tuhan Yesus yang memimpin saya untuk bertemu dengan Dr. Jaerock Lee dan Manmin dalam rencana-Nya. Melaluinya, saya, keluarga saya dan pelayanan saya telah menerima banyak berkat dan dapat menghasilkan buah yang banyak untuk kerajaan Tuhan.

Memandangkan kami sekarang bersama Manmin dalam masa pemurnian, kami menggunakan sebagai peluang untuk melayani Tuhan Yesus dengan kekuatan dan rahmat baharu serta membina kerajaan Tuhan. Selain itu, saya juga telah dilantik sebagai misionari Manmin untuk menghabarkan injil kesucian dengan lebih berkuasa, jadi saya berasa teruja dan bersyukur untuk pelayanan yang akan datang. Saya dengan segenap hati bersyukur kepada Tuhan Yesus kerana memberikan saya tugas yang amat berharga ini.

Saya berasa bahawa Pusat Kesucian Dunia merupakan sebahagian pelayanan Manmin dan pusat ini diasaskan dengan kasih Dr. Jaerock Lee yang saya kasih dan hormati. Saya akan berusaha untuk menjadi pekerja yang setia dalam menyebarkan Yesus Kristus dan injil kesucian ke hujung bumi. Saya melihat kehidupan dan kerendahan hati Dr. Jaerock Lee yang menjadi contoh kesucian, dan saya menggunakan sebagai teladan dalam hidup saya.

Itulah sebabnya dalam doa saya selalu ada Dr. Jaerock Lee, Dr. Soojin Lee dan Manmin. Saya juga berterima kasih atas pelayanan Elder Ronya Son yang dengan setia dan bijak dalam menguruskan gereja dan pastor yang berbahasa Rusia.



SOROTAN KHAS II



Misionari Vitaliy Tabaranu
(Gereja Manmin Moldova)

Tahniah!

“Sebagai seorang misionari, saya akan membimbang banyak jiwa ke pangkuan Tuhan Yesus.”

Terlebih dahulu, saya mengucapkan syukur kepada Tuhan Yesus kerana memimpin kehidupan saya dan memimpin saya untuk berubah ke arah injil kesucian dengan bertemu dengan Dr. Jaerock Lee.

Sejak kecil, saya mempunyai kehendak yang kuat dan personaliti yang tidak dapat bertolak ansur dengan ketidakadilan, jadi saya kerap bergaduh. Akibatnya, hati saya menjadi keras dan saya mula hidup mengikut cara dunia ini. Saya hidup dalam kegelapan dunia yang penuh dosa ini tetapi saya malah tidak tahu bahawa ini ialah perkara yang jahat.

Saya berfikir bahawa kasih yang sejati tidak wujud. Walaupun sesudah menerima Tuhan Yesus, jika keluar lirik “Tuhan Yesus, aku mengasihi-Mu” sewaktu puji-pujian, saya tidak dapat menyanyikannya dengan baik. Saya berfikir, ‘Saya tidak dapat merasakan kasih untuk Tuhan Yesus dalam hati saya, jadi bagaimana saya dapat menyanyikan puji-pujian bahawa saya mengasihi-Nya? Saya tidak dapat berbohong seperti itu.’

Pada suatu hari, abang saya Alexander Tabaranu memanggil saya dan bercakap dengan serius tentang Tuhan. Itu merupakan kali pertama saya melihat dia sedemikian dan saya berasa marah terhadapnya. Sebelumnya, dia juga degil seperti saya tetapi saya berasa pelik apabila dia berbicara tentang Tuhan dengan kerendahan hati.

Dengan peredaran masa, saya nampak keikhlasan dirinya dan saya berasa bahawa saya harus meneliti apa yang dikatakannya. Saya mula berdoa kepada Tuhan kerana saya tidak mahu pergi ke gereja dan berkata bahawa saya percaya kepada Tuhan tanpa kepastian.

Kemudian abang saya menyuruh saya mendengar khutbah Dr. Jaerock Lee. Saya mendapat jawapan bagi banyak soalan yang saya tertanya-tanya

sebelumnya apabila saya mendengar khutbah Dr. Jaerock Lee. Sebelumnya, saya telah mendengar khutbah banyak pastor tetapi saya tidak mendapat jawapan yang saya cari. Khutbah-khutbah Dr. Lee membimbang iman saya yang sebelumnya ibarat awan asap tetapi berubah menjadi cahaya yang terang.

Saya berasa sangat gembira. Siang dan malam saya mendengar khutbah Dr. Jaerock Lee beberapa kali dalam sehari dan mula membuat ringkasan bagi khutbah-khutbah tersebut.

Ketika saya mendapat jawapan yang jelas tentang keselamatan dan dosa, saya memperoleh kekuatan untuk menyingkirkan dosa dan mengatasinya.

Jika saya tidak mengetahui injil kesucian, sudah tentu saya hidup dalam dosa dan menuju Neraka.

Dengan ikhlas saya berterima kasih kepada Dr. Lee kerana menyedarkan saya tentang ketentuan yang pasti berkaitan dengan keselamatan dan tujuan hidup.

Saya mula menginjil dengan injil kesucian. Abang saya dan saya mempunyai impian untuk mempunyai Gereja Manmin di Moldova, dan Tuhan berkarya untuk menjadikan mimpi itu kenyataan. Gereja Manmin Moldova ditubuhkan oleh orang Kristian yang telah menerima rahmat, dan sebuah gereja cawangan juga telah dibuka di Regina, iaitu sebuah bandar yang lain.

Adik lelaki kepada Julia, seorang rakan sekerja yang juga anggota gereja kami, telah dimasukkan ke hospital. Oleh itu, kami mengirim satu salinan buku Dr. Jaerock Lee iaitu ‘Pesanan Salib’. Selepas keluar dari hospital, dia kembali ke Regina iaitu tempat tinggalnya dan meletakkan buku itu di rumah apabila seorang wanita yang tinggal di sebelah rumahnya datang dan nampak buku itu.

Dia berasa sangat kagum kerana dia pernah melihat buku itu dalam mimpinya dan dia mengingatnya dengan jelas. Selepas membaca buku ‘Pesanan Salib’, dia menerima rahmat dan menghubungi kami. Sejak itu, kami berkunjung ke Bandar Regina sekali dalam seminggu untuk berkongsi Firman Tuhan dan berdoa. Sejak itu, perjumpaan kumpulan berjalan dengan aktif dan

anggotanya juga bertambah.

Oleh itu, saya ke sana setiap hari Ahad untuk beribadat dan berdoa bersama-sama.

Untuk mempelajari injil kesucian secara sistematis, saya telah menamatkan kursus MIS (Seminari Antarabangsa Manmin) selama dua tahun, dan saya pergi ke Romania dan Lithuania untuk urusan kerja. Di sana, saya bertemu dengan pastor dan orang Kristian tempatan, menghabarkan injil kesucian, dan menyampaikan ajaran daripada buku Dr. Lee iaitu ‘Pesanan Salib’ dan ‘Tujuh Buah Gereja’. Saya telah mengadakan persekutuan dengan para pastor dan berkongsi pelbagai Firman Tuhan seperti ‘Ukuran Iman’ dan ‘Syurga’ dengan mereka.

Suatu ketika saya ada pertemuan dengan 6 orang pastor Lithuania dan membicarakan topik Mengapakah Tuhan memberikan Ayub pemurnian? Mereka berkongsi pandangan mereka tetapi pada akhirnya mereka tidak mendapat jawapan dan mengatakan bahawa mereka hanya akan mendapat jawapan apabila ke Syurga nanti.

Apabila sampai giliran saya, saya memberi penerangan tentang pemurnian Ayub, ketentuan Tuhan bagi pemupukan manusia, dan sebab Tuhan meletakkan pokok pengetahuan tentang yang baik dan yang jahat. Para pastor tersebut berasa sangat gembira kerana hal itu merupakan kebangkitan yang besar, dan saya mempunyai hati yang membara untuk lebih tekun menghabarkan injil ini.

Kami menterjemahkan injil kesucian ke

Tahniah!

dalam bahasa Romania, dan kami berterusan dalam berjumpa dan menyampaikan buku ‘Pesanan Salib’ kepada pastor Romania. Kami juga mempunyai persekutuan dengan pastor Itali melalui Firman tersebut.

Kita dengan mudah dapat mendengar dan melihat injil kesucian yang diterima oleh Dr. Jaerock Lee melalui doa dan puasa beliau yang tidak terhitung banyaknya. Menghabarkan injil kesucian merupakan kewajipan saya sebagai anggota Manmin. Jiwa-jawa yang mendengarnya dan menyedari kebenaran dapat mempunyai harapan untuk masuk Yerusalem Baru, iaitu Syurga yang paling indah.

Sekarang, sebagai seorang misionari Manmin, saya akan sedaya upaya menyebarkan injil kesucian untuk menyelamatkan ramai jiwa dan membimbing mereka ke Yerusalem Baru.



Pembaharuan Laman Sesawang Gereja

www.manmin.org

Pada 17 April iaitu Ahad Easter, laman sesawang gereja kita telah diperbaharu dan dibuka.

Laman perangkaian sosial rasmi gereja (Facebook, Blog Gereja, Blog Urim Books, YouTube) diletakkan pada bahagian hadapan supaya pengguna dapat menggunakan dengan mudah dan selesa dengan menyusunnya semula dengan reka bentuk ringkas dan sistem menu berpusatkan pengguna. Laman perangkaian sosial rasmi ini juga direka bentuk agar pengunjung memperoleh maklumat dengan cepat dan mudah, dengan menyusun semula menu yang kerap dikunjungi.

